

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB eFD melalui FPX”

Kempen “PB eFD melalui FPX” (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini:-

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021**, [termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati melalui Perbankan Dalam Talian PBe (“PBe”).

2. Kelayakan

- 2.1 Peserta yang berikut layak untuk mengambil bahagian (“Peserta yang Layak”) dalam Kempen ini:
 - (a) Pelanggan individu berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan yang mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (CASA) persendirian konvensional sedia ada dan telah berdaftar bagi PBe;
 - (b) Empunya tunggal yang mempunyai CASA konvensional sedia ada dan yang telah mendaftar dengan PBe.
- 2.2 Pelanggan yang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
 - a) Pelanggan dengan CASA Bersama;
 - b) Kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad;
 - c) Pelanggan bukan individu iaitu perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - d) Orang yang tidak waras;
 - e) Orang yang telah diisiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
 - f) Orang yang akaunnya dipegang oleh PBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBBBB.

- 2.3 Peserta yang Layak mesti mendaftar melalui PBe untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan memenuhi kriteria di bawah:
- a) Pelanggan yang mempunyai akaun PBe sedia ada atau mendaftar akaun PBe baharu di mana-mana cawangan PBB atau ATM PBB yang berhampiran semasa Tempoh Kempen ini;
 - (b) Pelanggan yang mempunyai akaun PB e-Deposit Tetap (“PB eFD”) atau membuka Akaun PB eFD baharu melalui PBe dengan peletakan deposit tunggal bagi amaun minimum sebanyak RM5,000 semasa Tempoh Kempen dan peletakan PBe FD itu mesti dibuat menggunakan pindahan dana FPX daripada bank-bank lain melalui PBe; dan
 - (c) Pelanggan mempunyai CASA konvensional untuk dipilih semasa pembukaan akaun PB eFD (“CASA yang Ditentukan”). CASA yang Ditentukan akan dirangkaikan kepada Akaun PB eFD untuk tujuan peletakan / pengeluaran / pengkreditan faedah.

3. Butir-butir Kempen

- 3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini ialah **PB eFD*** (“eFD”)
* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
- 3.2 Semua peletakan eFD di bawah Kempen ini mesti didepositkan melalui pindahan dana daripada bank-bank lain melalui *Financial Process Exchange* (“FPX”).

FPX adalah kaedah pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, dipermudahkan oleh Payment Network Malaysia Sdn. Bhd. (“PayNet”). Butiran lanjut boleh dibaca melalui <https://www.paynet.my/business-fpx.html>

- 3.3 Amaun peletakan yang diperlukan bagi Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Peletakan eFD	
Minimum (RM)	Maksimum (RM)
5,000	2,000,000 (bagi setiap akaun eFD)

- 3.4 Amaun deposit maksimum bagi setiap urus niaga FPX ialah RM30,000 atau Had Perbankan Internet individu Peserta yang Layak yang disenggara dengan bank yang berkenaan, mana-mana yang lebih rendah.

- 3.5 Peserta yang Layak boleh membuat beberapa urus niaga deposit melalui pindahan dana daripada bank lain melalui FPX sehingga RM2,000,000.00 setiap akaun eFD.
- 3.6 Kadar faedah promosi yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Tempoh	Kadar Faedah Promosi (% setahun)
1 Bulan	2.00
2 Bulan	2.10
3 Bulan	2.20

- 3.7 Kadar faedah promosi tersebut hanya boleh disediakan kepada Peserta yang Layak bagi peletakan eFD menggunakan pindahan dana FPX melalui PBe semasa Tempoh Kempen, dari enam (6) pagi hingga sebelas (11) malam, tujuh (7) hari seminggu atau semasa waktu yang ditetapkan oleh PBB di PBe.
- 3.8 Peletakan eFD melalui FPX adalah untuk **peletakan selama 1 bulan, 2 bulan dan 3 bulan sahaja**. Kadar faedah promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. eFD akan diperbaharui secara automatik selama tempoh 1 bulan, 2 bulan dan 3 bulan pada kadar kaunter semasa PBB dengan faedah eFD ditambah pada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA yang Ditetapkan Peserta yang Layak apabila matang.
- 3.9 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.10 Kadar faedah ditetapkan berdasarkan penyertaan/peletakan.
- 3.11 Apabila matang, faedah eFD akan ditambah pada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA yang Ditetapkan Peserta yang Layak menurut peraturan operasi biasa PBB bagi pengkreditan faedah eFD dalam CASA yang Ditetapkan.
- 3.12 Pengeluaran PB e-FD hanya boleh dilakukan melalui PBe. Jumlah pokok dan faedah diperoleh daripadanya (jika ada) hanya boleh dikreditkan secara automatic dalam CASA yang Ditetapkan.
- 3.13 **Peletakan deposit di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang, tidak layak untuk mendapat apa juga faedah.**
- Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan PB eFD diperbaharui.**
- 3.14 Pengeluaran sebahagian peletakan eFD PB **tidak** dibenarkan.

3.15 Kempen ini **tidak** sah dengan mana-mana produk promosi yang ditawarkan serentak oleh PBB.

3.16 Apa-apa peletakan yang dibuat dalam eFD di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dicagarkan untuk apa-apa overdraf, apa-apa kemudahan atau pembiayaan.

4. Terma dan Syarat Am

4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal eFD (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat ketakseragaman antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal eFD, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.

4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB, dan keputusan PBB berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak.

4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka yang diberi dalam borang kiriman wang tersebut bagi tujuan Kempen ini.

4.4 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan dan/atau bertanggungjawab bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini, kecuali dibuktikan bahawa ia disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB berkaitan dengan Kempen ini.

4.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini.

4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengesahan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan berkenaan dengan Kempen ini.

- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat Kempen ini akan diterima pakai.
- 4.8 PBB berhak untuk mengubah, memotong dan/atau membuat penambahan dari semasa ke semasa, sepenuh dan sebahagiannya dengan memberi notis terlebih dahulu melalui laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.
- 4.9 PBB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, lanjutan atau pembatalan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.
- 4.10 Terma dan syarat ini akan dibaca dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia, dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat mereka melalui www.pbepbank.com atau www.publicislamicbank.com atau mana-mana cawangan PBB.

Ruang Selebihnya Pada Muka Surat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong
